

**GARIS PANDUAN
UNIT PERLESENAN AGENSI PENGAWAL KESELAMATAN (UPAPK)**

Permohonan Perubahan Alamat Perniagaan (Pejabat)

Syarat Dan Peraturan Permohonan

1. Pemegang lesen (syarikat) mestilah mempunyai lesen perniagaan agensi pengawal keselamatan yang masih sah (tidak mansuh).
2. Pemegang lesen hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan untuk membaharui lesen dua (02) bulan sebelum mansuh lesen dengan menyertakan dokumen-dokumen seperti yang diperlukan.
3. Pemegang lesen tidak mengubah alamat perniagaan / pindah pejabat tanpa terlebih dahulu mengemukakan permohonan bertulis kepada Pesuruhjaya Polis selaku Pegawai Melesen bagi memberitahu mengenai perubahan alamat perniagaan yang dicadangkan. Rujukan **Peraturan 15(1), Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan**.

Dokumen-Dokumen Permohonan

1. Surat permohonan daripada pemegang lesen atau pengarah atau pengurus syarikat yang berdaftar dengan Unit Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan.
2. Keterangan lengkap alamat perniagaan yang beroperasi masa ini berserta gambar berwarna bangunan pejabat perniagaan berkenaan.
3. Keterangan dan dokumen-dokumen alamat (bangunan pejabat) perniagaan yang dicadangkan.
4. Gambar berwarna bangunan pejabat perniagaan yang dicadangkan
5. Senarai nama pegawai dan kakitangan bahagian pentadbiran syarikat

Perhatian:

1. Permohonan yang tidak mematuhi syarat atau dokumen tidak lengkap maka permohonan tidak akan diterima untuk diproses.
2. Permohonan yang diluluskan akan dikenakan bayaran sebanyak **\$35/-** sepertimana **Peraturan 15(2), Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan**.
3. Pemegang lesen yang didapati tidak mematuhi **Peraturan 15(1), Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan** adalah satu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi **\$4,000** atau **dihukum penjara tidak melebihi satu tahun**. Rujukan **Peraturan 20(2), Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan**.